



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 30 JULAI 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	DURIAN MDUR 88 BERPOTENSI EKSPORT, DALAM NEGERI, UM -33 'MDUR 88 DURIAN TERSEDAP SAYA MAKAN', LOKAL, HM -12	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
3.	PERTEMUAN PEMIMPIN PELADANG, USAHAWAN DAN ALUMNI, UTUSAN BORNEO -ONLINE	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
4. 5.	TAKUNGAN AIR TIGA NEGERI TERJEJAS, DALAM NEGERI, UM -1 & 3 TASIK TAKUNGAN KERING JEJAS SUMBER AIR, DALAM NEGERI, UM -14	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
6. 7. 8. 9. 10. 11.	PARAS TASIK TIMAH TASOH KRITIKAL, DALAM NEGERI, UM -13 KERAJAAN SALUR LEBIH RM10 JUTA UNTUK PROGRAM KETERJAMINAN MAKANAN DI TERENGGANU, THE SUN -ONLINE PEKEBUN SAYUR RESAH MUSIM PANAS BERPANJANGAN, NASIONAL, SH -10 MUNGKIN HENTI TANAM PADI SEMENTARA UNTUK ELAK KERUGIAN -PESAWAH, LOKAL, HM -19 OVER RM10m FOR FOOD SECURITY INITIATIVE, NATIONAL, THE SUN -4 SALTY THREAT TO OUR PADI SUPPLY, NATION, THE STAR -6	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/7/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	33

Durian MDUR 88 berpotensi eksport

KUALA KANGSAR: Durian klon MDUR 88 berpotensi sebagai produk Malaysia yang boleh dikedahkan termasuk pasaran eksport.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup berkata, durian jenis itu dihasilkan menerusi kacukan induk D24 dan D10 oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

“Bagi saya, mungkin durian paling sedap pernah dicuba dalam hidup saya. Setanding dengan Musang King dan harganya sangat berpatutan,” katanya semasa mengadakan lawatan kerja ke Duriotourism Mardi Kuala Kangsar di sini, semalam.

Katanya, pencapaian MARDI sangat membanggakan serta pelbagai usaha terus dibuat untuk mempromosi dan memperkenalkan durian itu kepada pasaran tempatan.

Menurutnya, usaha boleh diteruskan untuk mengembangkan durian MDUR 88 dan kemungkinan menjadi variasi buahan yang dapat dieksport sekiranya mencatatkan jumlah tanaman yang



Bagi saya, mungkin durian paling sedap pernah dicuba dalam hidup saya. Setanding dengan Musang King dan harganya sangat berpatutan.”

berupaya memenuhi pasaran antarabangsa.

“Setakat kita telah memperkenalkan MDUR88 ini, maklum balas sangat positif dan baik. Itu memberikan kita keyakinan bahawa variasi durian ini mempunyai potensi yang sangat besar,” katanya.

Sementara itu, beliau berkata, penghantaran pertama eksport durian segar Malaysia dijangka tiba di China pada September ini, susulan pemeteraian protokol pengeksportan ke negara itu pada Jun lalu.

'MDUR 88 durian tersedap saya makan'

Kuala Kangsar: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) berhasrat memperluas tanaman durian hibrid MDUR 88 sebagai usaha meningkatkan pengeluaran durian untuk dieksport ke pasaran antarabangsa.

Timbalan Menteri, Datuk Arthur Joseph Kurup berkata, varieti durian MDUR 88 yang dihasilkan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) menerima permintaan yang tinggi daripada penggemar raja buah itu setanding dengan durian jenis Musang King.

"Kita mahu memperluas lagi tanaman durian MDUR 88 di negara ini kerana pengeluaranannya masih belum mencukupi untuk menampung permintaan dalam negara sebelum kita mengeksportnya. Duriotourism@Mardi Kuala Kangsar menerima ramai pengunjung dari luar seperti China, Thailand, Kazakhs-tan dan mereka (pengunjung) boleh menerima varieti durian MDUR 88 ini. Jadi, kita yakin (durian



PEKERJA Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) Muhammad Razif Abu Azim menunjukkan durian yang terdapat di Mardi Kuala Kangsar.

MDUR 88) boleh ke pasaran antarabangsa," katanya.

Beliau berkata, kepada pemberita selepas lawatan kerja ke Duriotourism@Mardi Kuala Kangsar yang turut dihadiri Pengarah Mardi Perak Zai-ha Zeeti Mohamad Yusob di sini kelmarin.

Arthur berkata, durian MDUR 88 mempunyai kenakan tersendiri kerana mempunyai tekstur yang halus selain rasa lemak manis membuatkan ia disukai kebanyakan pengunjung.

"Pada pendapat saya, durian MDUR 88 adalah durian paling sedap yang pernah dimakan dan harganya sangat berpatutan di pasaran," katanya.

MDUR 88 merupakan klon durian hibrid yang telah dibangunkan oleh Mar-tara induk Dio dengan D24 dan pertama kali diisytiharkan pada 1991.

Pertemuan pemimpin peladang, usahawan dan alumni

PPN Sabah raihan peserta Program Kembara Agro Madani Alumni LPP

KOTA KINABALU: Pertemuan Peladang Negeri (PPN) Sabah telah meraikan peserta Program Kembara Agro Madani Alumni Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dengan majlis makan malam di Hotel Promenade, Kuching.

Program Kembara Zon Sabah selama empat hari ini diketuai oleh mantan Ketua Pengarah LPP, Dato Haj Mohd Salim Haji Taha yang juga Pengerusi Persatuan Alumni LPP Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Menantai Mohd Salim, program kembara ini yang bermula dari 28 Jula sehingga 11 Julai 2024 ini disertai oleh 17 Alumni LPP.



AMERSA: Pengerusi PPN Sabah, Datuk Mohd. Nazri Abdulah berselelah dengan Dato Haj Mohd Salim Haji Taha.

tabung dana perorak bagi membiayai program yang memberi manfaat kepada para ahli, ia juga memberi

peluang berteman dan bertilam tilam dengan pemimpin peladang, usahawan peladang dan

ahli domini negeri yang diwarisi," katanya ketika diacara.

Mententerai, sepanjng



BANTU: Pengurus Besar PPN Sabah, Ruddy Hasnawie Mohamad Idza Kanani menyampaikan sumbangan PPN kepada Sunato Yamin.

Farm, PPK Kota Marudu dan Kudat.

Salan yang juga Timbalan Pengerusi Alumni LPP Malaysia berkata persatuan ini berhasrat mengumpul dana daripada orang ramai bagi merealisasikan mimpinya untuk membiayai program-program pembangunan.

Katanya, jika semua

bagaimana, ia membantu memulakan pengiraan sebagai aktiviti utama pegawai LPP, termasuk berkolaborasi dengan pihak-pihak yang berkaitan dalam memajukan pembangunan Agro Madani di negara ini," tambahnya.

Sementara Hajah Norazah Mohamad, mantan Timbalan Ketua Pengarah LPP Malaysia dari Alumni Melaka berkata, program kembara ini dapat mengeratkan silaturahim antara alumni LPP seluruh negara.

erat serta dapat membawa seribu kegunaan selepas melawat Negeri Sabah di Bawani Bayan.

PPN Sabah di bawah pimpinan pengiraannya, Dato Haj Mohd Nazri Abdulah, turut menyumbangkan sumbangan kepada Alumni LPP Malaysia dan Alumni LPP Sabah.



ALUMNI: Rombongan Kembara Agro Madani Alumni LPP bergambar bersama pemimpin PPN Sabah di majlis itu.

program kembara ini, Alumni LPP akan melawat Projek Sayuran PPK Kambaku, DEBSA Dairy

berjalan lancar, bangunan sendiri Alumni LPP ini akan direalisasikan di Kuala Lumpur.

"Dengan adanya

Selain itu, dengan jantanan maklumat modern, majlis ini turut diperkaya dengan persembahan nyanyian.

Peserta program kembara turut menerima buah tangan berupa buku Terapan

Turut hadir Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri, Dato Ruzlan Mulla, mantan

Timbalan Ketua Pengarah LPP Malaysia, Datin Kanani Ruddy Mat Ali dan Datin Khaled, pengerusi persatuan PPN Sabah, Gerald P. Yusof, Timbalan Pengarah LPP Sabah, Hafim Dato, Timbalan Pengarah Alumni LPP Sabah, Sunato Yamin, Pengurus Besar PPN Sabah, Ruddy Hasnawie Mohamad, Timbalan Pengerusi Amanah Negeri Sabah, Hafim Dato, Timbalan Pengarah Alumni LPP Sabah, Saleh Hj Kaboli, mantan Pengarah LPP Sabah, Huzah Ainta Moutari dan Pengerusi Wilayah NAFMS Sabah, Melvin Heron J. Japitan



SUMBER: Pengerusi Besar PPN Sabah, Ruddy Hasnawie Mohamad Idza Kanani menyampaikan sumbangan kepada Dato Haj Mohd Salim Haji Taha.



HADIR: Sebahagian tetamu khas yang hadir pada majlis berkenaan.



CENDERAMATA: Peserta Kembara Agro Madani Alumni LPP Malaysia menerima cenderamata berupa kopi Tono.



SOUNDINGAN: Antara peserta Program Kembara Agro Madani Alumni LPP Malaysia.

30/7/2024

1

UTUSAN

MUKA DEPAN

MALAYSIA

Cuaca panasancam puluhan ribu hektar sawah, sumber bekalan air

Takungan air tiga negeri terjejas

Oleh MUHAMMAD AIMY AHMAD,
MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB,
AHMAD FADHULLAH ADNAN
dan WAT KAMAL ABAS
utusannews@mediamajlis.com.my

PADANG TERAP: Takungan air di empangan dan tasik di tiga negeri iaitu Perlis, Kedah dan Perak kini terjejas dan berada pada tahap membahayakan ekoran paras air semakin menyusut akibat cuaca

panas dan kemarau yang melanda ketika ini.

Malah, ketiga-tiga empangan utama di Kedah iaitu Empangan Muda, Empangan Pedu dan Empangan Ahning akan dikategorikan sebagai kritikal sekiranya jumlah takungan menyusut kepada 343,756 ekar kaki atau kira-kira 30 peratus.

Setakat hari ini, paras takungan tiga empangan utama itu berada pada tahap 45 peratus berbanding 47 peratus pada

Khamis lalu, dan ia dijangka akan terus menyusut ekoran cuaca panas diramal berterusan sehingga pertengahan September ini.

Situasi ini turut mengancam puluhan ribu hektar tanaman padi dan ribuan petani di ketiga-tiga negeri itu bakal kerugian akibat sawah kering-kontang dan tanah meretakan.

Bersambung di muka 3



Kering-kontang

DUA orang pesawah memegang kepingan tanah yang meretakan di kawasan bendang mereka di Kampung Semadong, Beseri, Padang Besar, Perlis, semalam. Mereka antara 70 pesawah yang terkesat akibat cuaca panas yang melanda ketika ini. - UTUSAN/TLIZAN OTHMAN

Takungan air tiga negeri terjejas

Dari muka 1

Berdasarkan semakan *Utusan Malaysia* dengan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) yang mengendalikannya, trend penurunan tersebut menyaksikan takungan semasa berjumlah 551,369 ekar kaki.

Daripada jumlah itu, Empangan Pedu merekodkan takungan sebanyak 357,655 ekar kaki bersamaan 40.87 peratus, manakala Empangan Muda sebanyak 10,450 ekar kaki (8.36 peratus) dan Empangan Ahning sebanyak 183,264 ekar kaki (82.44 peratus).

Bagaimanapun, MADA menegaskan, takungan di ketiga-tiga empangan itu masih dikategorikan sebagai normal dan tinggi jika dibandingkan dengan rekod terendah pernah dicatatkan.

"Sebagai rekod, paras dan takungan terendah pada tahun 1974 hingga 2023 bagi Empangan Pedu adalah 98,100 ekar kaki dan Empangan Muda 3,380 ekar kaki serta Empangan Ahning 60,200 ekar kaki.

"MADA sedang menjalankan kerjasama dengan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Jabatan Meteorologi (MET/Malaysia) dan Lem-

baga Sumber Air Negeri Kedah (LSANK) untuk melaksanakan pembenihan awan di dalam kawasan tadahan empangan.

"Operasi pembenihan awan (OPA) bergantung kepada keadaan atmosfera yang sesuai seperti kelembapan yang tinggi, kehadiran awan kumululus dan kelajuan angin yang lemah bagi membolehkan penghasilan hujan yang tepat di kawasan sasaran," kata jurucakap MADA kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Sementara itu di Perlis, cuaca panas dan kemarau ketika ini juga menyaksikan bekalan air di Empangan Timah Tasoh di Padang Besar yang berfungsi sebagai takungan bekalan air domestik dan pengairan pertanian terus menyusut sehingga paras bawah 27.10 meter.

Paras di situasi waspada itu direkodkan sehingga 16 Julai dengan penyusutan sudah mula berlaku sejak Jun lalu.

Perkembangan itu menyaksikan bekalan air untuk tujuan pertanian tidak dapat dibekalkan sehinggalah paras empangan kembali berada pada paras melebihi 27.10 meter sekali gus bakal memberi kesan kepada 3,075 hektar kawasan tanaman padi di negeri ini.

Di Kampung Semadong, Be-

seri sahaja, kira-kira 70 pesawah di kawasan seluas 86 hektar terjejas berikutan sawah kering kontang dengan keadaan tanah pula merekah. Sumber pengairan pesawah di situ hanya bergantung kepada hujan dan Empangan Timah Tasoh.

Sebagai rekod, Empangan Timah Tasoh yang berkeluasan 20 kilometer persegi itu dapat menampung kapasiti takungan sebanyak 40 juta meter padu dengan kedalaman aras normal pula ialah sekitar 29.1 meter.

Manakala di Perak pula, akibat paras air yang kritikal di Tasik Bukit Merah selepas mencatatkan 6,325 meter (m) pada Selasa lalu, bekalan air ke sawah yang terpaksa dihentikan sejak 28 Jun lalu sehingga kini mengakibatkan hampir 5,000 hektar sawah di Daerah Kerian, Bagan Serai terjejas.

Pengaruh Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kerian, Noor Mazirah Teh berkata, antara kawasan sawah yang terlibat termasuk di Kuala Kurau, Jalan Siakap, Alor Pongsu, Bagan Serai, Masjid Tinggi, Parit Gabis, Telok Medan, Semanggol dan Selinsing.

Katanya, keluasan sawah yang terlibat dengan masalah iaitu ialah 4,890 hektar yang

melibatkan 2,162 pesawah.

"Untuk membantu pesawah, IADA menghantar 37 unit pam air pelbagai saiz di lokasi yang terlibat untuk mengepam air dari parit.

"Semua pam diletakkan di kawasan yang mempunyai sumber air di tali air dan juga menggunakan semula air yang ada di parit buang dan sungai berdekatan.

"Kami juga mengambil inisiatif untuk mempertingkatkan penggunaan sumber air bawah tanah. Terdapat empat projek mendapatkan sumber air bawah tanah yang dibuat tahun lepas dan tahun ini," katanya ketika dihubungi.

Dalam pada itu, bagi mengatasi masalah cuaca panas dan kering, kerajaan melalui beberapa agensi melancarkan operasi pembenihan awam melibatkan empat tangki campuran garam dan air yang bermula hari ini sehingga Rabu depan.

Menurut Jabatan Meteorologi Malaysia (Met Malaysia), kerjasama itu melibatkan Agensi Pengurusan Bencana (Nadma); Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan Met Malaysia, MADA, IADA Kerian, Lembaga Sumber Asli Negeri Kedah dan Kementerian Pertanian.

Tasik takungan kering jejas sumber air

Oleh **MUHAMAD AIMY AHMAD**
utusanews@mediamuliacom.my

PADANG TERAP: Bekalan air di negeri ini pada situasi membimbangkan ekoran paras air di tasik-tasik yang menjadi kawasan takungan semakin menyusut akibat faktor cuaca panas dan kemarau.

Setakat hari ini, paras takungan tiga empangan utama di negeri ini iaitu Empangan Muda, Empangan Pedu dan Empangan Ahning berada pada tahap 45 peratus berbanding 47 peratus pada Khamis lalu.

Berdasarkan semakan *Utusan Malaysia* dengan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) yang mengendalikannya, ketiga-tiga empangan itu, trend penurunan tersebut menyaksikan takungan semasa berjumlah 551,369 ekar kaki.

Daripada jumlah itu, Empangan Pedu merekodkan takungan sebanyak 357,655 ekar kaki bersamaan 40.87 peratus, manakala Empangan Muda sebanyak 10,450 ekar kaki (8.36


seperti kelembapan yang tinggi, kehadiran awan kumulus dan kelajuan angin yang lemah bagi membolehkan penghasilan hujan yang tepat di kawasan sasaran," kata jurucakap MADA ke-pada *Utusan Malaysia*.

Sementara itu, MADA memaklumkan, takungan Empangan Pedu akan berada pada 53.93 peratus atau 471.90 ekar kaki pada penghujung September ini berdasarkan unjuran yang dibuat.

Tinjauan di Tasik Pedu mendapati, kawasan daratan terutama di tapak perkampungan lama yang pernah menempatkan Kampung Mong Gajah semakin luas ekoran keadaannya yang mengering.

Kawasan itu dan sekitarnya sudah beberapa bulan tidak mengalami hujan berpanjangan sehingga mengakibatkan paras air Empangan Pedu merosot teruk.

Tasik Gubir yang menjadi sumber air bagi Empangan Muda di Sik turut mengalami penyusutan ketara.



TAPAK perkampungan lama yang pernah menempatkan Kampung Mong kini dapat dilihat selepas paras air Tasik Pedu susut. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

peratus) dan Empangan Ahning sebanyak 183,264 ekar kaki (82.44 peratus).

Bagaimanapun, MADA menegaskan, takungan di ketiga-tiga empangan itu masih dikategorikan sebagai normal dan tinggi jika dibandingkan dengan rekod terendah pernah dicatatkan.

“Sebagai rekod, paras dan takungan terendah pada tahun 1974 hingga 2023 bagi Empangan Pedu adalah 98,100 ekar kaki dan Empangan Muda 3,380 ekar kaki serta Empangan Ahning 60,200 ekar kaki.

“MADA berkerjasama dengan Agensi Pengurusan Bencana Ne-

gara (NADMA), Jabatan Meteorologi (MET/Malaysia) dan Lembaga Sumber Air Negeri Kedah (LSANK) untuk melaksanakan pembenihan awan di dalam kawasan tadahan empangan.

“Operasi pembenihan awan (OPA) bergantung kepada keadaan atmosfera yang sesuai

30/7/2024

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

13

Bekalan air domestik, pertanian mampu bertahan dua bulan jika tiada hujan

Paras Tasik Timah Tasoh kritikal

Oleh **MOHD. HAFIZ**

ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamula.com.my

PADANG BESAR: Cuaca panas dan kemarau ketika ini menyakikan bekalan air di empangan Timah Tasoh di sini yang berfungsi sebagai takungan bekalan air domestik dan pengairan pertanian di Perlis terus menyusut sehingga paras bawah 27.10 meter.

Paras waspada itu direkodkan sehingga 16 Julai dengan penyusutan mula berlaku sejak Jun lalu.

Perkembangan itu menyakikan bekalan air untuk tujuan pertanian tidak dapat dibekalkan sehinggalah paras empangan kembali berada pada paras melebihi 27.10 meter sekali gus bakal memberi kesan kepada 3,075 hektar kawasan tanaman padi di negeri ini.

Di Kampung Semadong, Berseri sahaja, kira-kira 70 pesawah di kawasan seluas 86 hektar



SEORANG nelayan, Zakaria Jusoh, 66, melihat paras air di empangan yang semakin menyusut sehingga paras 27.10 meter di Tasik Timah Tasoh, Padang Besar, Perlis semalam. - UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

terjejas berikutan sawah kering kontang dengan keadaan tanah pula merekah. Sumber pengairan pesawah di situ hanya bergantung kepada hujan dan em-

pangan Timah Tasoh Sebagai rekod, empangan Timah Tasoh yang berkeluasan 20 kilometer persegi itu dapat menampung kapasiti takungan

sebanyak 40 juta meter padu dengan kedalaman aras normal pula ialah sekitar 29.1 meter.

Pada ketika ini, bekalan air untuk kegunaan domestik sa-

haja yang dapat dibekalkan daripada empangan Timah Tasoh manakala bagi kegunaan pengairan untuk aktiviti pertanian tidak dapat dibekalkan.

Berdasarkan kepada prosedur operasi sedia ada, bekalan air untuk aktiviti pertanian akan dihentikan ketika paras air empangan Timah Tasoh berada pada paras 27.10 meter.

Ia merupakan paras minimum yang telah ditetapkan oleh kerajaan negeri di bawah pengoperasian Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri. Ia bagi menjamin bekalan air domestik di negeri ini tidak terganggu yang mana melibatkan hampir satu pertiga daripada keseluruhan penduduk Perlis.

Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan dan Prasarana negeri, Izizam Ibrahim berkata, anggaran bekalan air untuk kegunaan domestik dan pertanian dapat dibekalkan selama dua bulan sahaja sekiranya tiada hujan yang berlaku di empangan tersebut.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/7/2024	THE SUN	ONLINE	

[Kerajaan salur lebih RM10 juta untuk program keterjaminan makanan di Terengganu](#)



[Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi negeri Dr Azman Ibrahim - fotoBERNAMA](#)

KUALA TERENGGANU: Kerajaan Terengganu menerima peruntukan lebih RM10 juta daripada Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan pelbagai projek menerusi Program Keterjaminan Makanan tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi negeri Dr Azman Ibrahim berkata peruntukan itu disalurkan menerusi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), dengan 12 projek telah disenaraikan dan sebahagiannya telah dimulakan.

“Peruntukan itu antaranya RM3 juta untuk menaik taraf infrastruktur Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Peradong di Kuala Terengganu; TKPM Palong Jenang di Kemaman; TKPM Tok Dor di Besut; TKPM Serating di Marang dan TKPM Rhu Tapai di Setiu,” katanya pada Persidangan Dewan Undangan Negeri Terengganu di Wisma Darul Iman di sini hari ini.

Beliau menjawab soalan Ridzuan Hashim (PAS-Buluh Gading) yang ingin tahu perincian senarai projek dan program melalui dana lebih RM10 juta daripada KPKM bagi tahun ini.

Dr Azman berkata peruntukan itu antara lain membolehkan kerajaan negeri menjalankan aktiviti pembangunan tukun tiruan bagi mewujudkan garis sempadan tukun di kawasan pantai di Terengganu sepanjang 245 kilometer yang melibatkan kos RM3.164 juta.

“Melalui projek ini kita menyasarkan setiap kilometer akan ada satu kelompok tukun yang mengandungi antara lapan hingga 10 unit,” katanya

Pekebun sayur resah musim panas berpanjangan

Pengeluaran menurun selain kualiti sayur-sayuran terjejas

Oleh FARAH SHAZWANI ALI
SHAH ALAM

Jangkaan keadaan cuaca lebih panas dan kering sehingga pertengahan September menimbulkan keresahan kepada sebahagian besar pekebun di negara ini yang berdepan dengan hasil tidak menentu.

Naib Pengerusi Persekutuan Persatuan Pekebun Sayur Malaysia, Chay Ee Mong berkata, pihaknya bimbang jika kerajaan membuat keputusan untuk mengimport sayur-sayuran tertentu bagi memenuhi keperluan pasaran sehingga boleh merjeaskan pendapatan pekebun tempatan.

Menurut beliau, hasil pengeluaran sayur-sayuran memang tidak menentu sejak beberapa bulan lalu kerana cuaca



Jangkaan keadaan cuaca lebih panas dan kering sehingga pertengahan September ini menimbulkan keresahan buat sebahagian besar pekebun di negara ini.- Gambar hiasan

panas berpanjangan.

"Banyak kawasan yang terjejas pengeluaran kerana tidak cukup air tapi di Cameron Highlands, ada sumber air hutan dan pengeluaran tinggi pada Julai kerana cuaca semakin baik dan sumber air men-

EE MONG



gularannya tinggi pada Julai kerana cuaca semakin baik dan sumber air men-

cukupi.
"Bulan Mei paling panas, kemudian Jun ia sudah semakin baik dan Julai cuaca

memang terjejas kerana musim kemarau. Tambah beliau, ramalan Jabatan Meteorologi Malaysia tentang cuaca panas dan kering sehingga September menambahkan kebimbangan mereka, khususnya bagi petani yang berdepan dengan masalah pengairan serta mengamalkan tanaman hidroponik dan fertigasi yang memerlukan sumber air.

Beliau berkata, jika keadaan tersebut berlarutan atau cuaca terlalu panas tanpa hujan, kualiti sayur-sayuran akan terjejas kerana serangga mudah membiak pada musim panas.

"Kalau pengeluarannya kurang, harga akan naik sebab bekalan kurang tapi permintaan tinggi jadi harga akan naik sedikit.

"Jadi, cadangan kami kepada kerajaan ialah sayur-sayuran yang petani kita boleh hasilkan seperti tomat, timun dan kangkung, tidak perlu diimport.

"Tiada halangan jika kerajaan ingin mengimport sayur-sayuran yang mendapat permintaan tinggi daripada masyarakat, restoran dan industri makanan seperti kubis bulat, cili dan halia tua.

"Kerajaan perlu ada satu mekanisme mengawal supaya sayur-sayuran import tidak masuk sesuka hati," ujarnya.

ca sedikit baik sehingga pengeluarannya jadi meningkat.

"Tapi, masalah lain timbul apabila pengeluaran tinggi pada bulan ini (Julai) dan ditambah dengan musim buah-buahan, permintaannya menjadi kurang dan harga pula sedikit jatuh," katanya kepada *Sinar Harian*.

Ee Mong memberitahu, di kebanyakan tempat khususnya bahagian Utara Semenanjung, pengeluaran sayur-sayuran

Mungkin henti tanam padi sementara untuk elak kerugian - Pesawah

Kuala Lumpur: Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSawah) bimbang sekiranya cuaca panas dan kering dengan suhu yang terus meningkat akan menjejaskan penanaman padi sekali gus berisiko menyebabkan kerugian besar kepada pesawah.

Bendahari PeSawah, Muhammad Rafirdaus Abu Bakar berkata, untuk mengelakkan kerugian besar itu pihak pesawah mungkin terpaksa mengambil keputusan drastik dengan tidak menanam padi sehingga ada kaedah sesuai dilaksanakan oleh pihak berwajib untuk menanganinya.

Sebagai contoh, kata-

nya, situasi di Kedah pada ketika ini menunjukkan bekalan air adalah kritikal apabila bekalan tidak sampai ke lokaliti sehingga ke penghujung sawah dan kawasan tinggi.

"Paras air di Empangan Muda, Kedah amat membimbangkan. Saya rasa tanaman padi boleh menampung fasa satu penanaman cukup ala kadar. Jika hujan namun tidak kerap pun, ia tidak membantu.

"Tetapi yang menjadi lebih kekusaran adalah musim-musim mendatang nanti adakah bekalan air mencukupi untuk kerja penanaman padi di bulan Oktober kelak.

"Ini kerana situasi su-

dah terkesan di Perak, hari ini petani di sana terbeban tiada air sedangkan tanaman sudah berusia 50 hari. Begitu juga di Kelantan tidak dapat melakukan kerja-kerja putaran bajak berikutan tiada air disalurkan," katanya.

Beliau mendakwa, setakat ini tiada tindakan pihak jabatan atau Kementerian berkaitan termasuk tidak ada pekeliling bagi mengatasi risiko situasi cuaca panas terpaksa dihadapi pesawah.

"Jadi untuk elak pembaziran (penanaman padi berisiko tak menjadi) jangan tanam padi (buat masa ini)," katanya.

Media melaporkan, bermula semalam kerajaan

akan melaksanakan operasi pembenihan awan (OPA) di Kedah dan Perak selama tiga hari berturut-turut.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dilaporkan berkata, operasi bagi meningkatkan paras air di Empangan Bukit Merah, Perak dan Empangan Muda, Kedah untuk tujuan pertanian serta kegunaan domestik.

Merujuk kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara pada 26 Julai lalu, Ahmad Zahid dilaporkan berkata, peratus takungan semasa Empangan Muda ialah 9.44 peratus manakala Empangan Bukit Merah, 15.25 peratus.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/7/2024	THE SUN	NATIONAL	4

Over RM10m for food security initiative

KUALA TERENGGANU: The state government received an allocation of over RM10 million from the federal government for various projects under the Food Security Programme this year.

State Agriculture, Agro-based Industry, Food Security and Commodity Committee chairman Dr Azman Ibrahim said through the allocation given by the Agriculture and Food Security Ministry, 12 projects have been listed.

"Among them, RM3 million is allocated to upgrade the Permanent Food Production Park programme in Peradong, Kuala Terengganu; Palong Jenang in Kemaman; Tok Dor in Besut; Serating in Marang and Rhu Tapai in Setiu," he said at the Terengganu state legislative assembly yesterday.

He was replying to Ridzuan Hashim (PAS-Buluh Gading) on the list of projects planned with the allocation.

Azman said the provision also allows the state government to carry out artificial reefs development to create a boundary in the coastal area in Terengganu involving a cost of RM3.164 million. – Bernama

Salty threat to our padi supply

Experts: Seawater seepage hitting rice fields, may affect food security efforts

By **WANI MUTHIAH**
wani@thestar.com.my

KLANG: A salty threat is slowly making its way into some of the nation's padi fields, which may create food security issues in future if not properly addressed.

Researchers say seawater seepage into padi fields has so far been detected in coastal areas and rice granaries in Kerian and Kuala Kedah in Kedah; some areas in Kelantan; Rompin in Pahang; and Sabak Bernam in Selangor.

Penang Institute's Heritage and Urban Studies head Prof Datuk Dr Zulfigar Yasin said saline intrusion into padi fields would adversely affect the growth of the plant and reduce yield.

"Higher concentrations will lead to plant death, with young plants being more susceptible to increasing salt in the water," said Prof Zulfigar, who is a marine environmental scientist.

He said seawater contains a high amount of salt and it takes a mere 0.3% concentration of seawater to kill padi plants.

He added that seawater usually makes its way into padi fields through seepage that occurs in coastal areas.

"Most padi growing areas are on the coastal lowland next to the sea. When there are tidal flows at river entrances, as well as during high tide, seawater may intrude significantly into the hinterland," he said.

He also said coastal erosion which damages barriers that separate sea from land, as well as the destruction of coastal vegetation due to unplanned development, would also result in seawater seepage into padi fields.

"These risks are expected to increase in the future as storms rise in intensity and frequency on our coasts.

"Greater intrusion of saltwater into many coastal areas on a big-

ger scale is anticipated with tthe rising levels of the sea as a result of climate change.

"This rise will overcome coastal barriers and as such, breaches will result in larger amounts of seawater entering padi growing areas.

"That is why it is crucial for sea-facing barriers to be regularly inspected to detect seawater intrusion," he added.

Prof Zulfigar said what was needed to battle seawater damage to padi fields were the construction of sea walls and embankments, as well as protection or improvement of natural vegetation such as mangroves, among others.

Universiti Putra Malaysia Agriculture Faculty's Prof Dr Mohd Rafii Yusop said efforts were underway by relevant agencies and academic institutions to develop a saltwater-resistant variety of padi.

"I believe this new saltwater-

resistant variety will be ready for cultivation in about two years," he said.

According to Prof Mohd Rafii, a saltwater-resistant variety was already available in China but there was a lot of red tape if the padi seeds were to be imported for local cultivation.

"Our regulations require the seeds to be quarantined for two planting seasons, and tests have to be carried out to determine that the imported variety will not bring in any diseases," he said, adding that it would take about two years to get the green light.

Dr Noraziyah Abd Aziz, who is with Universiti Kebangsaan Malaysia's (UKM) Department of Biological Sciences and Biotechnology, said most of the modern rice varieties in Malaysia were susceptible to salinity and other "abiotic" (non-living or non-organic) stress.

"Researchers here and around the world are focusing on identifying salinity-tolerant rice varieties.

"Previous studies have indicated that traditional varieties such as Pokkali and Nona Bokra were salinity tolerant, but these have low yield," she said.

Noraziyah also said extensive work was being carried out locally to identify padi genes that were salinity tolerant and so far, several have been identified.

"Efforts are being made to transfer these genes into salinity-susceptible mega-varieties via conventional or marker-assisted breeding," she said, adding that other methods such as mutational and genetic engineering were also being used.

"Researchers from UKM, the Malaysia Nuclear Agency and International Islamic University have successfully developed salinity-tolerant rice breeding lines through marker assisted breeding and mutational breeding," she added.